

USUL-USUL BAHARU

**MESYUARAT PRA-MAJLIS BERSAMA JABATAN
BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG
JABATAN PERDANA MENTERI
BILANGAN 1 TAHUN 2023**

BIL	USUL/ MASALAH	PUNCA MASALAH	CADANGAN PENYELESAIAN
1	Tawaran kenaikan pangkat tidak mengikut kekananan (<i>seniority</i>).	Kekananan yang tidak diambil peduli dalam pemangkuan / kenaikan pangkat. Didapati masih ramai pegawai yang hanya berstatus TBK (1 & 2) dan jawatan tidak dihakikikan walaupun telah melebihi 15 tahun dalam perkhidmatan.	<p>Kenaikan pangkat sepatutnya ditawarkan kepada pegawai yang lebih <i>senior</i> terlebih dahulu sebelum dibuka / ditawarkan kepada pegawai <i>junior</i>.</p> <p>Tawaran dibuat secara terbuka / telus kepada pegawai yang berkelayakan secara menyeluruh dan bukan hanya disasarkan di cawangan mega sahaja.</p>

BIL	USUL/ MASALAH	PUNCA MASALAH	CADANGAN PENYELESAIAN
2	Kakitangan / Pekerja bertugas di kaunter	<p>Setiap kakitangan (Pegawai dan Pembantu Tadbir) telah ditugaskan untuk menjaga kaunter secara giliran bagi memberi khidmat maklumat kepada pelanggan yang hadir dan berurusan dengan Pegawai.</p> <p>Memandangkan Kakitangan yang ditugaskan mempunyai kerja hakiki yang telah ditetapkan, urusan menjaga kaunter ini sedikit sebanyak akan menjejaskan tugas hakiki serta sasaran yang telah ditetapkan.</p>	Mencadangkan tugas untuk menjaga kaunter dilaksanakan oleh pekerja MyStep bagi memastikan tugas hakiki dan sasaran kerja yang telah ditetapkan kepada Kakitangan tidak terganggu dan ianya dapat dilaksanakan seperti yang diarahkan.

BIL	USUL/ MASALAH	PUNCA MASALAH	CADANGAN PENYELESAIAN
3	Pengisian Jawatan Pengurusan dan Profesional L41 di Mdl Muar	Cawangan memerlukan Ketua Cawangan dari Kumpulan Profesional bagi membolehkan isu yang melibatkan pandangan Undang-Undang di dalam sesuatu kes dapat diputuskan.	Mohon untuk pengisian Waran Penjawatan L41 di Mdl Muar kerana telah tidak diisi terlalu lama.

BIL	USUL/ MASALAH	PUNCA MASALAH	CADANGAN PENYELESAIAN
4	Kehadiran bagi pegawai atau kakitangan menggunakan ' <i>face recognition</i> '	Mengikut peredaran masa ke arah sistem yang lebih canggih.	Pegawai/kakitangan tidak perlu lagi memegang pas jabatan. Ini disebabkan bagi mengelak berlaku keciciran, kehilangan atau kerosakan pada kad.

BIL	USUL/ MASALAH	PUNCA MASALAH	CADANGAN PENYELESAIAN
5	Penggunaan Sistem Penetapan Temujanji Dengan Jabatan Insolvensi.	Kesukaran semua pihak dari pelanggan, kakitangan dan pegawai menguruskan dan mematuhi temujanji.	Penggunaan sistem pengurusan temujanji menggunakan platform tersedia di atas talian seperti https://www.picktime.com/

BIL	USUL/ MASALAH	PUNCA MASALAH	CADANGAN PENYELESAIAN
6.	Etika Berpakaian Bagi Warga Bangunan BHEUU.	Didapati ramai warga kerja Bangunan BHEUU yang tidak mematuhi etika berpakaian dengan betul.	<p>Cadangan supaya pihak pengurusan BHEUU mengambil maklum mengenai etika berpakaian semasa waktu berkerja kerana didapati ramai warga kerja tidak mematuhi etika berpakaian yang betul sedangkan Papan Kenyataan Mengenai Etika Berpakaian telah diletakkan di hadapan Lobi Bangunan BHEUU.</p> <p>Pelawat yang datang berurusan di bangunan BHEUU dikehendaki mematuhi syarat dan etika berpakaian untuk berurusan tetapi warga bangunan sendiri tidak mengikutinya.</p> <p>Begitu juga dengan etika berpakaian Baju Melayu. Sekiranya ingin berbaju Melayu terutama pada pada hari Jumaat, perlu memakai lengkap bersampin dan bersongkok bukannya memakai baju melayu tetapi berseluar <i>slack</i>.</p>

BIL	USUL/ MASALAH	PUNCA MASALAH	CADANGAN PENYELESAIAN
7	Memohon supaya pihak pengurusan dapat memastikan menu rahmah dijual di bangunan BHEUU pada setiap hari bekerja.	Makanan mahal di bawah/lobi BHEUU.	Dicadangkan supaya terdapat gerai/penjualan makanan menu rahmah (harga berpatutan) di lobi/kiosk BHEUU.